

**SYARAT DAN KRITERIA BAGI PENGISIAN PERJAWATAN DI
PEJABAT EDUCATION MALAYSIA**

SYARAT-SYARAT UMUM:

- (a) Pegawai terdiri daripada **warganegara Malaysia**;
- (b) Pegawai **telah dilantik tetap dan disahkan** dalam perkhidmatan;
- (c) Mempunyai **prestasi kerja di tahap 87%** dalam Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi **tiga tahun berturut-turut (2019,2020,2021 atau 2020, 2021 dan 2022)**;
- (d) Mempunyai **kompetensi yang sesuai** dengan bidang tugas yang dimohon;
- (e) Bebas daripada sebarang tindakan tata tertib;
- (f) Pegawai dan ahli keluarga (jika berkaitan) mempunyai **tahap kesihatan yang baik**, tidak menghidap penyakit berjangkit dan penyakit yang berpanjangan; dan
- (g) Pegawai tidak memangku/telah diperaku Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam (LKPPA)/berada dalam zon pemangkuuan.

SYARAT-SYARAT KHUSUS:

- (a) **Pengarah Gred 52/54 (Terbuka)** di **Education Malaysia London** dan **Education Malaysia Indonesia**
 - Terdiri daripada pegawai yang berada di Gred 52/54 atau setaraf;
 - Pegawai hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam aspek:
 - **pengurusan, polisi dan hala tuju pendidikan tinggi Malaysia**;
 - **promosi Pendidikan Malaysia**;
 - **pengalaman dalam pengurusan hal ehwal pelajar**;
 - **pentadbiran pejabat, pengurusan kewangan, aset dan akaun**; dan
 - **pengurusan psikologi, bimbingan dan kaunseling**.
 - Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) apabila dipinjamkan ke **gred lebih tinggi** hendaklah **telah berkhidmat di gred jawatan hakiki tidak kurang daripada lima (5) tahun** kecuali:
 - memiliki kelayakan akademik di peringkat **ijazah Doktor Falsafah, tidak kurang daripada dua (2) tahun**; atau
 - memiliki kelayakan akademik di peringkat **ijazah Sarjana, tidak kurang daripada tiga (3) tahun**.

- Mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan Kerajaan dan baki perkhidmatan sekurang-kurangnya **10 tahun** sebelum mencapai tarikh persaraan wajib.
 - Mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris dengan kelulusan **IELTS sekurang-kurangnya band 6.5 (salinan keputusan IELTS perlu dikemukakan sebagai prasyarat sekiranya ditawarkan jawatan)**. Kos perbelanjaan yang berkaitan adalah atas tanggungan pegawai.
- (b) **Atase Pendidikan Gred 41/44 (Terbuka)** di **Education Malaysia Beijing, Education Malaysia London, Education Malaysia Los Angeles** dan **Education Malaysia Mesir**
- Terdiri daripada pegawai yang berada di Gred 41/44 atau setaraf;
 - Pegawai hendaklah mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam aspek:
 - **promosi Pendidikan Malaysia;**
 - **pengalaman dalam pengurusan hal ehwal pelajar;**
 - **pentadbiran pejabat, pengurusan kewangan, aset dan akaun; dan**
 - **pengurusan psikologi, bimbingan dan kaunseling.**
 - Mempunyai kebolehan untuk **berbahasa Mandarin dengan fasih** bagi **penempatan di Beijing, Republik Rakyat China**.
 - Mempunyai kebolehan untuk **berbahasa Arab dengan fasih** bagi **penempatan di Kaherah, Mesir**.
 - Mempunyai pengalaman dalam perkhidmatan Kerajaan dan baki perkhidmatan sekurang-kurangnya **10 tahun** sebelum mencapai tarikh persaraan wajib.
 - Mempunyai kemahiran Bahasa Inggeris dengan kelulusan **IELTS sekurang-kurangnya band 6.5 (salinan keputusan IELTS perlu dikemukakan sebagai prasyarat sekiranya ditawarkan jawatan)**. Kos perbelanjaan yang berkaitan adalah atas tanggungan pegawai.

KEUTAMAAN DIBERI KEPADA PEMOHON-PEMOHON BERIKUT:

- (a) Mempunyai **perwatakan dan peribadi yang sesuai** sebagai seorang Pegawai Perwakilan Luar Negeri, berdikari dan boleh bekerja dengan pengawasan yang minimum.

- (b) Berkebolehan bertutur dan menulis dalam bahasa lain (sila nyatakan dalam borang permohonan).

CARA MEMOHON

- (a). Semua permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan KPT.S.500/8/2/6 Jld.6 [Pindaan 2020] yang disertakan;
- (b) Permohonan **hendaklah** disertakan dengan dokumen-dokumen yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan seperti berikut:
- senarai tugas pegawai terkini;
 - satu (1) salinan maklumat peribadi (*resume*) yang terkini berserta pengalaman perkhidmatan mengikut susunan tarikh daripada yang terkini;
 - satu (1) salinan Sijil/ Diploma/ Ijazah yang berkaitan yang disahkan;
 - satu (1) salinan Laporan Pengisytiharan Harta yang disahkan oleh Ketua Jabatan;
 - satu (1) salinan Buku Rekod Perkhidmatan yang lengkap (bermula perkhidmatan sehingga yang terkini); dan
 - satu (1) salinan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (Tahun 2019, 2020 dan 2021 atau 2020, 2021 dan 2022).
- (c) Semua permohonan yang lengkap diisi berserta dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan (*covering letter*) kepada:

Setiausaha Bahagian
Kementerian Pendidikan Tinggi
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Aras 15, No.2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
(u.p: Urusan Pengambilan EM)

TEMU DUGA

Hanya pemohon yang layak dan di senarai pendek sahaja akan dipanggil menghadiri temu duga. Permohonan adalah dianggap tidak berjaya sekiranya pemohon tidak menerima sebarang panggilan ke temu duga dalam tempoh tiga (3) bulan daripada tarikh tutup iklan. Segala perbelanjaan menghadiri temu duga adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

KEPUTUSAN

Keputusan temu duga hanya akan dimaklumkan kepada pemohon yang berjaya sahaja. Keputusan pelantikan secara rasmi akan dimaklumkan setelah mendapat perakuan pelantikan daripada Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi sebelum diangkat untuk kelulusan Pihak Berkuasa Menimbang/ Pihak Berkuasa Melantik berkaitan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dikemukakan terus kepada pihak urus setia seperti berikut :

- (i) Encik Fabian Anak Phillip
No. Tel : 03 – 8870 5259
Emel : fabian@mohe.gov.my

- (ii) Encik Mohd Arif bin Yusuf
No. Tel : 03 – 8870 5225
Emel : arif@mohe.gov.my